

## KERATAN AKHBAR

### (Bahagian Canselor)

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 18/5/2016

Muka surat: 6

Tajuk : 300 pelajar UNIMAS saksi Forum Generasi Masa Depan



**JAUHI RASUAH:** Para hadirin yang menghadiri Forum Generasi Masa Depan di UNIMAS, Kota Samarahan.

## 300 pelajar UNIMAS saksi Forum Generasi Masa Depan

### KOTA SAMARAHAN:

Kira-kira 300 pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) tidak melepaskan peluang menyaksikan Forum Generasi Masa Depan dan Majlis Perasmian Ulang Tahun Ke-9 Sekretariat Pencegahan Rasuah UNIMAS (SPR UNIMAS) di Panggung Gemilang, Kolej Cempaka, Sabtu lepas.

Forum tersebut merupakan anjuran bersama SPR UNIMAS Sesi 2016/2017 dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sarawak.

Hadir sebagai barisan panel ialah Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM Datuk Shamsun Baharin Mohd Jamil, Timbalan Pengarah SPRM Sarawak Rosli Mohd Satar dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan



**BINCANG:** Barisan panel (dari kiri) Mohd Fadzil, Rosli dan Dr Arnold selaku moderator semasa Forum Generasi Masa Depan.

Alumni) UNIMAS Professor Mohd Fadzil Abdul Rahman.

Manakala moderator bagi forum ialah Dr Arnold Puyok daripada Jabatan Politik dan Hubungan Antarabangsa . Fakulti Sains Sosial UNIMAS.

Antara objektif forum ini adalah untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa mengenai bahaya dan kesan gejala rasuah dalam kehidupan selain memupuk nilai-nilai berintegriti tinggi, amanah, bertanggungjawab serta berketrampilan tinggi dalam kalangan mahasiswa dalam usaha mendukung aspirasi negara.

Sempena Ulang Tahun Ke-9, SPR UNIMAS turut melancarkan lagu rasmi, logo dan motto SPR UNIMAS iaitu ‘Mahasiswa Berintegriti Rasuah Dihindari’.